



KETUA PENGARAH INSOLVENSI
JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA
ARAS 3, BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
PRESINT 3
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62692 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
MALAYSIA

Laman Web : www.insolvency.gov.my

No. Telefon : 03-88851249/
03-88851250

No. Faks : 03-88851286

Ruj. Kami : MdI/156/004/157/2/87
Tarikh : 2 Oktober 2017

Pengarah Insolvency
Penolong Kanan Pengarah Insolvency
Penolong Pengarah Insolvency
Pegawai Insolvency

Tuan/Puan,

**ADENDUM KE ATAS ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSI
BIL. 14/2016 – GARIS PANDUAN MENGENAI PERMOHONAN
KE LUAR NEGARA DI BAWAH SEKSYEN 38 (1) (c) AKTA
KEBANKRAPAN 1967 (AKTA 360)**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sebagaimana yang tuan/puan sedia maklum, Arahan Ketua Pengarah Insolvency Bil. 14/2016 (Arahan Tersebut) telah dikeluarkan bagi penurunan kuasa kepada Pengarah Insolvency Negeri/Ketua Cawangan dalam memproses permohonan di bawah Seksyen 38 (1) (c) Akta kebangkrutan 1967 (Akta 360).

3. Untuk makluman lanjut tuan/puan, pengemaskinian maklumat sekatan MyIMMS di mana sebelum ini disemak dan diproses diperingkat Ibu Pejabat. Untuk melancarkan proses permohonan ke luar negara, pengurusan MdI telah memutuskan segala pengemaskinian maklumat ke luar negara akan dikendalikan oleh Cawangan bukan lagi oleh Bahagian Kebankrapan Putrajaya.

4. Bagi melancarkan proses kerja, Jabatan telah meminda dan menambahbaik Arahan tersebut dengan menggantikan keseluruhan perenggan 18 hingga 22 Arahan tersebut seperti berikut:

"18. Cawangan hendaklah memastikan semua syarat-syarat yang ditetapkan dalam surat kelulusan dipatuhi oleh bankrap. Selepas syarat-syarat kelulusan dipatuhi oleh bankrap (kecuali syarat 15.5 dan 15.12), pegawai yang menguruskan permohonan bankrap hendaklah mengemukakan kepada pegawai yang dilantik oleh PIN/KC untuk mengakses sistem MyIMMS dengan mengemukakan dokumen-dokumen berikut:

- (a) laporan pengesahan pematuhan syarat kelulusan ke luar negara dengan mengikut format di **Lampiran 10**;
- (b) sesalinan surat kelulusan ke luar negara; dan
- (c) sesalinan bukti bayaran samada bank draf atau transaksi dalam lejer estet (INSIST) yang menunjukkan bayaran tersebut telah dibuat.

19. Pegawai yang dilantik dilarang untuk mendedahkan kata laluan sistem Myimms kepada pegawai/kakitangan lain yang tidak diberi kuasa oleh Pengarah Insolvensi Negeri/Ketua Cawangan".

5. Arahan ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATUK ABDUL RAHMAN PUTRA BIN DATO' HAJI TAHA)

Ketua Pengarah Insolvensi
Jabatan Insolvensi Malaysia